

SUSUNAN I

Pengukuran tanah untuk bangunan

1. Jadual ini memperuntukkan fi pengukuran tanah untuk bangunan. Bagi maksud pengukuran tanah, tanah bangunan diklasifikasikan seperti yang berikut:

(a) tanah bagi maksud kediaman, seperti rumah kediaman, rumah pangsa, pangsapuri dan tanah lapang untuk rekreasi;

(b) tanah bagi maksud komersial, seperti pembangunan bercampur bagi maksud komersial dan kediaman, rumah kedai, panggung wayang, kompleks, hotel, hostel, stesen minyak, pejabat dan pembangunan bermatlamatkan keuntungan;

(c) tanah bagi maksud industri, seperti pembangunan bercampur untuk industri dan lain-lain, kilang, loji, bengkel, kilang pengisar, kilang percetakan, foundri, pencawang elektrik, rumah pam, loji pembersih pemetungan dan kolam oksidasi.

2. Tanah bagi maksud lain, yang tidak diklasifikasikan di bawah perenggan 1, hendaklah tertakluk kepada Susunan VII.

3. Fi pengukuran yang dikenakan caj di bawah Susunan ini bagi setiap kerja hendaklah mengandungi caj yang berikut dan terpakai bagi kawasan bandar, subbandar dan luar bandar. Fi pengukuran ini hendaklah juga diguna pakai untuk pengukuran semula untuk peletakan semula tanda sempadan bagi mana-mana jenis tanah yang diklasifikasikan di bawah perenggan 1—

(a) caj asas setiap kerja – RM1,000.00;

(b) caj bagi penyediaan plan prahitungan ialah RM20.00 bagi setiap lot, tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM350.00 bagi setiap kerja;

(c) caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 untuk setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;

(d) caj bagi pengukuran bagi setiap lot—

(i) maksud kediaman dan komersial:

<i>Saiz lot</i>	<i>Maksud kediaman bagi setiap lot (RM)</i>	<i>Maksud komersial bagi setiap lot (RM)</i>
Sehingga 100 meter persegi	250.00	400.00

Melebihi 100 meter persegi tetapi sehingga 200 meter persegi	370.00	430.00
--	--------	--------

Bagi setiap tambahan 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya melebihi 200 meter persegi yang pertama	10.00	12.00
--	-------	-------

(ii) maksud industri:

<i>Saiz lot</i>	<i>Maksud kediaman bagi setiap lot (RM)</i>	<i>Maksud komersial bagi setiap lot (RM)</i>	<i>Maksud industri bagi setiap lot (RM)</i>
Sehingga 2,000 meter persegi			900.00
Bagi setiap tambahan 100 meter persegi atau sebahagian darinya melebihi 2,000 meter persegi yang pertama			15.00

(iii) caj bagi pengukuran garis untuk azimut, sambungan dan kawalan	2.00/meter	2.50/meter	2.50/meter
---	------------	------------	------------

(iv) caj bagi pengukuran bagi menentukan penghujung sempadan dinding dua tuan	150.00/ dinding	180.00/ dinding	200.00 / dinding
---	-----------------	-----------------	------------------

(v) caj bagi pengukuran pemancangan blok bagi sudut-sudut blok yang tidak melebihi 16 lot	840.00/blok	1,000.00/ blok	1,200.00/ blok
---	-------------	----------------	----------------

(vi) caj bagi pengukuran bagi pemancangan setiap lot dengan pancang kayu	65% daripada kadar terpakai di atas	65% daripada kadar terpakai di atas	65% daripada kadar terpakai di atas
--	-------------------------------------	-------------------------------------	-------------------------------------

(vii) caj bagi ukur pengesahan dan memperakukan “seperti binaan”	80% daripada kadar terpakai di atas ditambah caj perakuan sebanyak RM1,500.00	80% daripada kadar terpakai di atas ditambah caj perakuan sebanyak RM1,500.00	80% daripada kadar terpakai di atas ditambah caj perakuan sebanyak RM1,500.00
--	---	---	--

(e) jika data pengukuran diperlukan untuk pengemukaan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (b), (c), dan (d) di atas adalah terpakai; dan

(f) fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan apabila terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.